

Malaysia sedia hantar pasukan pengaman lebih besar ke Lebanon

UM - 29/12/2006

KUANTAN 28 Dis. - Malaysia bersedia menghantar pasukan pengaman Kontinjen Malaysia (Malcon Unifil) yang lebih besar ke Lebanon jika ada mandat dan permintaan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan sebenarnya berhasrat menghantar kontinjen tentera pengaman pertama bermula dengan persiapan seramai 850 anggota tentera darat pada Ogos lalu.

Namun, kata beliau, setelah perbincangan demi perbincangan dibuat di peringkat antarabangsa, jumlah anggota kontinjen yang ditawarkan Malaysia tidak dapat diterima.

Sebaliknya, PBB hanya meluluskan satu kontinjen dengan kekuatan 365 orang pegawai dan anggota pada awal Oktober lalu sejajar dengan mandat dan tugas yang diberikan oleh badan dunia tersebut.

"Kita kena patuh. Dengan perancangan kita, kumpulan ini akan bertugas di sana selama enam bulan. Kalau perlu tambahan masa sebulan dua, mungkin ia boleh kita benarkan.

"Namun, seandainya mandat PBB di Lebanon berterusan lebih daripada jangka waktu tersebut, maka Malaysia ingin isytiharkan dari peringkat awal lagi hasrat kita untuk menghantar satu pasukan yang lebih besar iaitu batalion Mekanis yang diharap boleh diterima oleh PBB sekiranya ada lanjutan dari segi tempoh tugas di negara itu nanti," katanya.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan perbarisan perisytiharan pasukan Malcon Unifil di Padang Kawad 1, Kem DaraLockwood di sini hari ini.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Laksamana Datuk Seri Mohd. Anwar Mohd. Nor; Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Abdul Aziz Zainal; Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Azizan Ariffin.

Ditanya mengenai tambahan anggota pasukan pengaman yang akan dihantar ke Lebanon, Najib berkata, perkara itu akan dipertimbangkan kemudian.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, pasukan Malcon Unifil yang dihantar ke Lebanon telah diisytiharkan statusnya sebagai pasukan beroperasi sepenuhnya.

Dengan status berkenaan, pasukan tersebut berada dalam siap siaga yang membolehkannya diatur gerak pada bila-bila masa.

Menurutnya, persiapan pasukan itu telah dibuat antaranya dari segi latihan, kelengkapan, tempat tinggal dan urusan pentadbiran.

Beberapa perkara juga diteliti oleh pasukan itu meliputi penguasaan mereka di Lebanon termasuk memahami latar belakang masyarakat dan pihak yang terbabit dalam perbalahan di negara tersebut.

Taklimat dan syarahan mengenai perkara itu telah pun disampaikan.

Najib yakin pasukan Malcon Unifil berada pada tahap kemampuan dan kapasiti yang secukupnya untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas di Lebanon sebaik mungkin.

Pada masa yang sama, Najib turut mengingatkan semua pegawai dan anggota yang terbabit dalam misi pengaman itu agar menjaga nama baik negara.

"Sebagai duta kecil kepada negara, mereka hendaklah menjaga setiap tingkah laku dalam melaksanakan tugas kerana tindak-tanduk mereka bukan sahaja diperhatikan oleh media massa dunia malah turut dinilai oleh badan dunia tersebut," katanya.

Pada majlis itu, Najib turut menyerahkan Jalur Gemilang dan bendera PBB kepada Komander Pasukan Malcon Unifil, Kolonel Mohd. Dalib Basir.

Malaysia menghantar kumpulan pertama pasukan pengaman seramai 365 anggota secara berperingkat-peringkat bermula semalam dan ia akan berakhir dengan penghantaran pasukan induk pada 15 Januari depan.